

## ‘Trio dino’ sambut Presiden

‘BINTANG’ utama muzium sejarah alam semula jadi pertama di Singapura akhirnya didedahkan apabila Lee Kong Chian Natural History Museum di Universiti Nasional Singapura (NUS) membuka pintunya kepada kumpulan pertama tetamu semalam.


Bintang trio yang maksudkan itu adalah rangka dinosaur dari keluarga diplodocid sauropod (dinosaur jenis memanjang) bernama Prince, Apollonia and Twinky.

Lebih 250 tetamu termasuk tetamu terhormat President Tony Tan Keng Yam hadir dalam acara perasmian semalam. Muzium itu, yang akan dibuka kepada awam pada 28 April, mendapatkan fosil dinosaurnya pada 2011 daripada

syarikat fosil, Dinosauria International, yang berpangkalan di Wyoming. Fosil itu ditemui pada 2007 dan 2010 di bandar Ten Sleep, Amerika Syarikat.

Pembangunan muzium seluas 8,500 meter persegi itu adalah hasil kerja keras pasukan dari Universiti Nasional Singapura yang diketuai Profesor Leo Tan dan Profesor Peter Ng. Mereka memabntu mengumpulkan dana \$46 juta bagi pembinaannya – \$25 juta disumbang Yayasan Lee.

Dalam ucapannya Presiden Tony Tan berkata muzium itu satu contoh bagaimana dengan adanya iltizam, kerja keras dan sokongan masyarakat, rakyat Singapura boleh memenuhi cita-cita dan menghasilkan sesuatu yang istimewa.



– Foto ZAObAO